



# **GARIS PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK PEMBANGUNAN, PELUASAN DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM APLIKASI JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**

**BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**Unit Pengurusan Maklumat  
Bahagian Pengurusan  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor**

## **1. TUJUAN**

Dokumen ini adalah untuk menerangkan dan menyelaraskan tatacara bagi memohon kelulusan teknikal terhadap cadangan pembangunan, peluasan atau penambahbaikan sistem aplikasi serta memantau pelaksanaan aplikasi oleh semua pusat tanggungjawab (PTJ) Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

## **2. LATAR BELAKANG**

Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2016 menyatakan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk menyelaraskan dan memantau permohonan pembangunan, peluasan, penambahbaikan serta pelaksanaan sistem aplikasi bagi pusat tanggungjawab di bawahnya. Selaras dengan JPICT KKM, satu jawatankuasa ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu ICT di peringkat JKNJ bagi tujuan menimbangankan dan meluluskan permohonan kelulusan serta pemantauan projek pembinaan sistem aplikasi.

## **3. TANGGUNGJAWAB JPICT JKNJ**

- 3.1. Menilai permohonan projek pembangunan, peluasan dan penambahbaikan aplikasi dari aspek keupayaan teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos bagi menyokong keperluan perkhidmatan teras sesebuah agensi.
- 3.2. Menyelaras dan memantau semua permohonan pembangunan, peluasan dan penambahbaikan sistem untuk mengelakkan pertindihan sistem aplikasi yang mempunyai fungsi yang serupa.
- 3.3. Memastikan projek yang dilaksanakan mempunyai nilai tambah serta dapat memberi pulangan nilai untuk wang, impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

- 3.4. Memastikan semua permohonan menggunakan templat kertas kerja yang disediakan sebelum dimajukan JPICT KKM mengikut keperluan teknikal dan peruntukan.
- 3.5. Memastikan semua cadangan permohonan sistem selari dengan hala tuju pelan strategik KKM dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) KKM.
- 3.6. Memastikan Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2016: Tatacara Pelaksanaan Projek ICT Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai garis panduan rujukan dan dipatuhi.

#### 4. TANGGUNGJAWAB AGENSI DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB DI BAWAH JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

- 4.1. Agensi dan PTJ yang ingin membangunkan sistem aplikasi perlu memastikan sistem yang hendak dibangunkan **tidak mempunyai fungsi dan modul yang sama** dengan sistem yang sedia ada dan pernah dibangunkan oleh agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.2. Mengisi **Borang Permohonan Sokongan Pembangunan, Peluasan dan Penambahbaikan Sistem Aplikasi JKNJ** yang boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan hantar ke Unit Pengurusan Maklumat JKNJ (ICT JKNJ) bagi tujuan semakan dan sokongan oleh JawatanKuasa Teknikal.
- 4.3. Bagi setiap permohonan yang telah disokong, pemohon seterusnya hendaklah melengkapkan **Kertas Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT** untuk disemak bagi mendapatkan sokongan dan kelulusan JPICT JKNJ. Projek pembangunan sistem aplikasi yang lulus akan disyorkan dan diperakukan bagi permohonan kelulusan pembangunan dan pelaksanaan projek kepada JPICT KKM.
- 4.4. Agensi dan PTJ hendaklah menyediakan **slide persembahan** berkenaan permohonan pembangunan sistem aplikasi bagi tujuan pembentangan di dalam Mesyuarat JPICT JKNJ. Kertas permohonan dan format slide boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

## **5. PEMAKAIAN**

Tatacara pematuhan ini terpakai untuk semua agensi dan pusat tanggungjawab di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi projek pembangunan sistem aplikasi.

## **6. PENUTUP**

Agensi dan Pusat Tanggungjawab hendaklah mematuhi Tatacara Permohonan Pembangunan Sistem Aplikasi bagi tujuan sokongan dan kelulusan JP ICT JKNJ sebelum dihantar ke kementerian.

## **RUJUKAN**

- 1) Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2016: Tatacara Pelaksanaan Projek ICT Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- 2) Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Malaysia: Dasar Keselamatan ICT Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Versi 5.0
- 3) Portal Rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Johor

